

11 - Haman dan Qarun berganding bahu dengan Firaun.

- وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا مُوسَىٰ بِآيَاتِنَا وَسُلْطَانٍ مُّبِينٍ (23) إِلَىٰ فِرْعَوْنَ وَهَامَانَ وَقَارُونَ فَقَالُوا سَاحِرٌ كَذَّابٌ (Ghaafir: 23&24)
- وَقَارُونَ وَفِرْعَوْنَ وَهَامَانَ وَلَقَدْ جَاءَهُمْ مُوسَىٰ بِالْبَيِّنَاتِ فَاسْتَكْبَرُوا فِي الْأَرْضِ وَمَا كَانُوا سَابِقِينَ (al 'Ankabuut: 39)

Soalan

- Qarun berketurunan Bani Israil & kaum keturunan Nabi Musa. إِنَّ قَارُونَ كَانَ مِنْ قَوْمِ مُوسَى فَبَغَى عَلَيْهِمْ
- Haman orang Mesir daripada kaum Firaun.
- Bagaimana kedua-duanya boleh saling tolong-menolong dengan Firaun menentang Nabi Musa?

Jawapan

- ✓ Tiada masalah bagi mereka yang berlainan keturunan untuk saling tolong-menolong.
- ✓ Mereka disebutkan bersama-sama kerana mereka semua sama dari segi bersikap sombong, tidak beriman dengan Nabi Musa, mendustakannya dan bersama-sama memerangnya.

12 - Berkenaan Samiri (pembuat patung anak lembu)

- قَالَ فَأَذْهَبَ فَإِنَّ لَكَ فِي الْحَيَاةِ أَنْ تُخَلَّفَهُ^ص وَأَنْظُرْ إِلَى إِلْهِكَ الَّذِي ظَلْتَ عَلَيْهِ عَاكِفٌ^ص لَنْ تَحْرَقَنَّهُ^ص ثُمَّ لَنْ نَسِفَنَّهُ^ص فِي تَقُولَ لَا مِسَاسَ^ص وَإِنَّ لَكَ مَوْعِدًا^ص لَنْ يُخَلَّفَهُ^ص وَمَا أَعْجَلَكَ عَنْ قَوْمِكَ يَمُوسَىٰ (Toha: 83-97)
- Tiada pengenalan tentang diri Samiri melainkan apa yang telah disebutkan didalam ayat dan surah ini sahaja.

Soalan

- Samirah adalah sebuah Bandar di Palestin yang dibangunkan oleh orang-orang/golongan Samiriy beberapa abad setelah kewafatan Nabi Musa.
- Ketika Samiri membuat patung anak lembu dan dihalau keluar dari Mesir, Bandar Samiri di Palestin belum wujud pun lagi.
- Bagaimana Samiri boleh wujud, sedangkan Bandar tempat kelahiran orang-orang Samiriy belum pun wujud?

Jawapan

- ✓ Samiri berketurunan Bani Israil. Namanya juga daripada Bahasa Ibrani yang bermaksud pengawal.
- ✓ Nama Samiri sudah wujud dalam kalangan Bani Israil di zaman Nabi Musa.
- ✓ Bandar Samiri yang ada sekarang dinisbahkan kepada nama-nama Bani Israil, atau keturunan Samiri yang dihalau oleh Nabi Musa.

13 – Nama bapa Nabi Ibrahim

- وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ لِأَبِيهِ عَازَرَ اتَّخِذْ أَصْنَامًا ءَالِهَةً إِنِّي أَرَاكَ وَقَوْمَكَ فِي ضَلٰلٍ مُّبِينٍ
- Al Quran menyebutkan, nama bapa Nabi Ibrahim ialah Azar.

Soalan

- Didalam Kitab Taurat, bapa Nabi Ibrahim dinamakan sebagai Taarah.
- Percanggahan antara Azar yang disebutkan oleh Al Quran dan Taarah yang disebutkan oleh Taurat.

Jawapan

- ✓ Kemungkinan bapanya mempunyai dua nama.
- ✓ Apa yang disebutkan oleh Al Quran lebih tepat.

14 – Berkenaan bapa Maryam dan saudaranya

- (At Tahrim: 12) وَمَرْيَمَ ابْنَتَ عِمْرَانَ الَّتِي أَحْصَنَتْ فَرْجَهَا فَنَفَخْنَا فِيهِ مِنْ رُوحِنَا
- فَأَتَتْ بِهِ قَوْمَهَا تَحْمِلُهُ قَالُوا يَا مَرْيَمُ لَقَدْ جِئْتِ شَيْئًا فَرِيًّا (27) يَا أُخْتَ هَارُونَ مَا كَانَ أَبُوكِ امْرَأَ سَوْءٍ وَمَا كَانَتْ
(Maryam: 27&28) أُمُّكَ بَغِيًّا
- Bapa Maryam bernama 'Imran dan saudara lelakinya bernama Harun.

Soalan

- Bapa Maryam dan Nabi Musa bernama 'Imran.
- Saudara lelaki Maryam dan Nabi Musa bernama Harun.
- Masuk akalkah bapa dan saudara lelaki Maryam dan Nabi Musa itu orang yang sama sedangkan jarak antara Nabi Musa dan Maryam itu lebih seribu tahun?

Jawapan

- ✓ Nama sama tetapi individu berlainan.
- ✓ Kebiasaan orang soleh menamakan anak-anak mereka dengan nama para nabi atau orang-orang soleh.

15 – Adakah Nabi Yusuf sangat berkeinginan untuk berzina?

- وَلَقَدْ هَمَّتْ بِهِ وَهَمَّ بِهَا لَوْلَا أَنْ رَأَى بُرْهَانَ رَبِّهِ (Yusuf: 24)
- Isteri raja berkeinginan kepada Nabi Yusuf dan begitu juga sebaliknya.

Soalan

- Al Quran mendakwa Nabi Yusuf ingin berzina dengan isteri raja.
- Kitab Suci mereka mengatakan Nabi Yuuf enggan dan menolak untuk berzina.
- Al Quran mengaibkan para rasul.

Jawapan

✓ Persoalan itu sudah terjawab dengan dua ayat berikut:

1. (Yusuf: 32) قَالَتْ فَذَلِكُنَّ الَّذِي لُمْتُنَنِي فِيهِ وَلَقَدْ رَاوَدْتُهُ عَنْ نَفْسِهِ فَاسْتَعْصَمَ
2. وَرَاوَدَتْهُ الَّتِي هُوَ فِي بَيْتِهَا عَنْ نَفْسِهِ وَغَلَّقَتِ الْأَبْوَابَ وَقَالَتْ هَيْتَ لَكَ قَالَ مَعَاذَ اللَّهِ إِنَّهُ رَبِّي أَحْسَنَ مَثْوَايَ إِنَّهُ لَا يُفْلِحُ الظَّالِمُونَ (Yusuf: 23)

✓ Dua ayat diatas menunjukkan Nabi Yusuf berdoa dan menahan diri daripada terjebak dalam perzinaan.

✓ لَا تُولَا أَنْ رَأَى بُرْهَانَ رَبِّهِ Tidak timbul keinginan berzina kerana realitinya beliau sedar akan amaran Tuhannya.